

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 33 RABU 19 OGOS 1970 1390 رابو 16 جمادي الاخير PERCHUMA



Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin memangku jawatan M.B.

Berkursus di-S'pura

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang pegawai kerajaan telah berlepas ka-Singapura pada hari Isnin lepas untuk menjalani kursus perguruan dalam jurusan menaip dan trengkas, selama enam bulan di-Institute Trengkas Melayu, Singapura.

Mereka ia-lah Awang Zaini bin Mohamed Daud jurutaip/trengkas di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka; Awang Abu Bakar bin Samad, sa-orang kerani di-Jabatan Pelajaran dan Awang Duming bin Haji Abdul Wahab, sa-orang guru di-Sekolah Melayu Kilanas.

Ini ada-lah kumpulan kelima dihantar oleh Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran, untuk menjalani kursus yang sama sejak tahun 1960.

Penduduk Kg. Ayer di-minta waspada akibat ayer pasang

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei/Muara Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah mengingatkan pemandu2 motor sangkut supaya menjalankan motor2 mereka dengan perlahan2 dan berhati2 apabila melalui lorong2 rumah di-Kampung Ayer semasa ayer naik pasang.

Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman telah memberi

M.B. MELAWAT NEGERI JEPUN

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah berlepas ka-Kota Kinabalu dalam perjalanannya ka-Jepun pada hari Ahad lepas.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara yang di-iringi oleh isteri beliau, Datin Hajjah Salmah binte Mohammad Yusof akan mengadakan lawatan rasmi ka-negeri Jepun dan Expo '70 selama dua minggu.

Semasa Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara itu berada di-luar negeri, jawatan Menteri Besar sekarang di-pangku oleh Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Sementara Dato Paduka Awang Matnor MacAfee, Penyalia Pilehan2 Raya di-lantek memangku jawatan Setia Usaha Kerajaan.

Kedua2 perlantekan itu telah di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin dan Dato Paduka Awang Matnor MacAfee memangku jawatan2 itu mulai 16 hingga 31 Ogos.

tahu 'Pelita Brunei' mengenai kejadian itu berikutan beberapa aduan dari Ketua2 Kampung di-kampung ayer yang meminta kerjasama dari semua pengguna2 motor sangkut supaya memberi timbang rasa dan peri kemanusiaan apabila melalui rumah2 yang rendah semasa ayer naik pasang bagi menjaga harta benda mereka.

Pegawai Daerah itu berkata ayer mulai naik pasang sejak

(LIHAT MUKA 8)



Limbang bebas dari kolera

LIMBANG di-Bahagian Kelima Sarawak telah di-istiharkan bebas dari jangkitan penyakit kolera pada 16 Ogos lepas.

Kolera, penyakit yang merbahaya itu telah di-istiharkan menyerang kawasan Limbang lebeh kurang dua minggu yang lalu.

Dengan pengishtiheran bebas-nya penyakit itu di-bahagian kelima Sarawak itu, maka larangan kepada orang ramai untuk pergi ka-Limbang ada-lah di-batalkan.

Tetapi walau bagaimana pun Pegawai Perubatan dan Kesihatan menyeru kepada orang ramai supaya melaksanakan langkah kesihatan yang ketat supaya penyakit tidak akan merebak ka-negeri ini.

Kata-nya orang ramai yang belum lagi mendapat suntikan bagi mencegah penyakit itu dalam tempoh enam bulan, supaya berbuat demikian dengan secepat mungkin.

DULI Yang Maha-Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-London pada hari Khamis lepas.

Baginda telah di-iringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Di-Raja, Pengiran Anak Chuchu, Yang Di-Muliakan Pehin Sanggamara Asgar Di-Raja, Major Butterell dan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Perdana Indera, Awang Haji Mohammad Taha bin Haji Bakir.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah berangkat ka-lapangan terbang untuk mengucapkan selamat belayar kepada Duli Yang Maha Mulia dan rombongan.

Turut juga mengucapkan selamat belayar kepada Baginda ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2, Pehin2 dan ketua2 jabatan serta pegawai2 pentadbir.

Gambar atas menunjukkan Duli Yang Maha Mulia sedang berjabat salam dengan ketua2 jabatan yang telah mengucapkan selamat belayar kepada Baginda dan rombongan.

Di-kiri sekali ia-lah Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Hj. Mohd. Yusof.



Gambar kiri menunjukkan Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim ketika melafadzkan sabda dalam majlis penutup Kursus Guru2 Kelas Dewasa Pelajaran Rendah yang telah berlangsung di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada minggu lepas.

Duduk dari kiri ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Di-Raja Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair dan Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Malcolm McInnes.

Kursus yang di-adakan selama lima hari itu telah di-hadiri oleh lebih dari 150 peserta.

Kursus tersebut telah di-rasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

Baja perchuma untok peladang2

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian telah mula membahagikan baja kepada penanam2 padi di-seluruh negeri bagi musim menanam tahun 1970-1971.

Baja tersebut ada-lah di-berikan dengan perchuma kepada peladang2 itu di-bawah rancangan untok menambahkan hasil padi di-negeri ini.

Pengarah Pertanian, Awang K. G. Malet menyatakan jabatan - nya akan membahagikan kira2 50 tan baja jenis NPK dan 100 tan baja jenis urea.

Baja2 itu akan di-bahagikan kepada 862 orang peladang di-Daerah Tutong, 143 orang peladang di-Temburong dan 578 orang peladang di-Daerah Brunei-Muara. Jumlah baja yang akan di-bahagikan untok peladang2 di-Daerah Belait belum lagi di-perolehi.

Tiap2 sa-ekar tanah akan di-gunakan satu beg baja NPK dan dua beg baja urea.

Baja NPK mesti-lah di-gunakan sa-lepas saja memindahkan semaian padi itu.

Satu beg lagi baja urea bagi tiap2 sa-ekar di-gunakan tiga atau empat minggu sa-lepas memindahkan semaian itu dan sa-lepas tanaman padi itu dirumputi.

Beg yang kedua baja urea itu bagi tiap2 sa-ekar di-gunakan kira2 enam minggu sa-belum padi itu di-tuai atau apabila buah padi itu sudah mengurak.

Peraduan mengarang mengenai pendaratan pertama ka-bulan

BANDAR BRUNEI. — Lima belas set gambar Apollo yang berwarna akan di-berikan sa-bagai hadiah kepada lima belas buah karangan yang terbaik mengenai pendaratan pertama ka-bulan.

Gambar2 itu di - hadiahkan oleh Pengarah Penyiaran dan Penerangan Awang G. V. de Freitas

berhubung dengan filem "the infinite journey" yang sekarang sedang di-tayangkan di-Bandar Brunei dan kemudian-nya akan di-tayangkan di-lain2 bahagian negeri ini.

Karangan2 itu mesti-lah mengandungi tidak lebih dari 500 perkataan dan boleh di-tulis dalam bahasa

Melayu, China dan Inggeris.

Pertandingan yang terbuka kepada semua kanak2 sekolah di-negeri ini akan di-tutup pada 31 Ogos, 1970 dan karangan2 yang akan di-pertandingkan itu yang bertanda Apollo hendak-lah di-hantarkan kepada Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bandar Brunei.

Peraduan pertolongan chemas tahunan


BANDAR BRUNEI. — Peraduan Palang Merah tahunan antara daerah yang kedua telah di-adakan di-Ibu Pejabat Palang Merah Chawangan Brunei di-Bandar Brunei tengah hari Sabtu lepas.

Hadiah2 kepada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British Awang A. R. Adair.

Keputusan2 peraduan itu ia-lah:

Peraduan pertolongan chemas: Pertama-Daerah Miri-Lutong, Pertubohan Palang Merah Sarawak, kedua — Pertubohan Palang Merah Bahagian Brunei-Muara dan ketiga Pertubohan Palang Merah Bahagian Seria-Belait.

Peraduan rawatan di-rumah: Pertama-Daerah Miri-Lutong, Pertubohan Palang Merah Sarawak, kedua Palang Merah Bahagian Seria-Belait dan ketiga Pertubohan Palang Merah Bahagian Brunei-Muara.



Gambar atas menunjukkan Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohd. Salleh bin Haji Masri ketika menyampaikan ucapan ringkas kepada satu rombongan belia Limbang di-Dewan Pusat Belia.

Rombongan belia Limbang yang mengandungi 34 orang itu telah mengadakan lawatan ka-negeri ini selama tiga hari baru2 ini.

Ucapan beliau itu antara lain telah mensifatkan lawatan beliau Limbang itu sa-bagai mengeratkan lagi hubungan baik dan perasaan muhibbah antara beliau2 Limbang dengan beliau2 di-negeri ini.

Berjaya mendaki Gunung Kinabalu

KUALA BELAIT. — Sa-rombongan 13 orang penuntut dari Sekolah Inggeris Perdana Wazir di-Kuala Belait termasuk sa-orang perempuan telah berjaya mendaki Gunung Kinabalu, gunung yang tertinggi sekali di-Asia Tenggara pada hari minggu lepas.

Mereka telah mendaki bersama2 dengan lima orang yang lain, sa-orang penuntut dari Maktab SOAS, sa-orang penuntut dari Maktab Perguruan Brunei dan empat orang guru perempuan.

Awang Ho Kam Weng dan Da-yang Koo Chow Lian guru2 Sekolah Inggeris Perdana Wazir telah menganjurkan dan mengetuai rombongan itu.

BARANG di-ketahui bahawa masjid ada-lah tempat yang suci, tempat beribadat kepada Allah, sama ada belajar atau pun beramal atau perkara2 yang membawa kepada kebajikan. Oleh itu masjid dan tempat2 ibadat sa-patut-nya hendaklah di-jaga dan di-bersehan daripada segala kekotoran, dan tiap2 orang yang masuk ke-masjid hendaklah berke-adaan bersehan, sama ada badan dan pakaian, sesuai dengan kehormatan Masjid itu sa-bagai rumah Allah. Ini dapat kita fahamkan daripada maksud sa-buah hadith Nabi Mohammad s.a.w. bahawa:

“Barang siapa bersuci di-rumah-nya, kemudian menuju ke-rumah atau salah satu rumah Allah (masjid) untuk menyempurnakan satu fardhu daripada fardhu yang di-tentukan oleh Allah, maka tiap2 satu langkah itu menghilangkan satu kejahatan, dan langkah yang lain pula mengangkat satu darjah (pahala atau kebajikan)”.

Dari maksud hadith Nabi Mohammad s.a.w. di-atas faham-lah kita bahawa masjid atau pun rumah Allah itu amat besar kelebihan-nya dan dia ada-lah rumah atau bangunan yang sa-patut-nya menjadi keagongan atau kemegahan orang2 Islam di-kawasan masjid itu, kerana masjid itu sa-bagaimana yang kita ke-

Perlu-nya pengawasan kebersehan tempat2 beribadat

KHUTBAH JUMA'AT

Keadaan masjid2 atau surau2 di-kampung2 ada-lah sangat2 mendukachitakan. Keadaan tempat2 beribadat itu tidak sepatut-nya di-namakan masjid, kerana kebersehan-nya tidak ada langsung.

tahui sejak zaman permulaan Islam, masjid bukan hanya tempat sembahyang atau tempat2 beribadat ia-itu untuk menghubungkan antara Allah dengan hamba-nya2 sahaja, tetapi masjid ada-lah tempat memetik ilmu2 dan menghidupkan roh dan semangat Islam, dan menyatu padukan umat Islam dari segala perengkat.

KESUCHIAN

Oleh itu tidak-lah sa-patut-nya masjid itu di-biarkan dengan tidak di-bersehan sama ada di-luar dan di-kawasan masjid, kerana kita jangan lupa bahawa kesuchian masjid dan keagongan agama Islam

itu dapat di-lihat pada dhahir-nya keadaan tempat ibadat itu sendiri, atau dengan lain kata-kata bahawa keagongan agama Islam itu tidak akan dirasa, dalam suasana bersehan dan terator. Dan apa yang kita selalu dapati bahawa masjid atau surau2 di-kampung ada-lah sangat2 mendukachitakan. Kadang2 kita merasa malu jika orang yang bukan Islam atau pun pelawat2 luar negeri bertanya tentang adakah bangunan itu masjid yang tidak di-gunakan lagi, atau bangunan apa?. Dari pertanyaan itu faham-lah kita bahawa keadaan masjid itu tidak-lah sa-patut-nya di-namakan masjid, kerana kebersehan-nya tidak ada langsung.

Dari itu ada-lah di-serukan tiap2 orang Islam hendaklah sama2 berasa tanggung-jawab di-atas kebersehan masjid di-tempat masing2, kerana masjid ada-lah tempat kita men-

dampingkan diri kepada Allah subhanahu-wataala dan tempat beribadat, maka jika sakra-nya keadaan sekeliling tidak memuaskan, sudah tentu-lah kita sendiri tidak akan berasa tenteram duduk atau beramal di-dalam bangunan itu, dan tiap2 ibadat yang tidak tenteram atau khusus itu, tentu-lah ibadat itu akan tidak sempurna. Dari itu kepada Allah juga kita bermohon semoga kita termasuk ka-dalam golongan orang2 yang mendapat petunjuk dan hidayat daripada Allah. Amin ya rabul alamin.

580 orang masuk peperiksaan pemilihan ka-Sekolah Arab

BANDAR BRUNEI. — Saramai 580 orang murid masuk 353 orang perempuan dari sekolah2 agama di-negeri ini akan mengambil peperiksaan pemilihan bagi memasuki Sekolah Menengah Arab Hassan Bolkiah dan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit bagi tahun hadapan.

Peperiksaan tersebut akan di-adakan di-empat buah pusat peperiksaan pada 22 Ogos ini mulai 9.00 pagi.

Pusat2 peperiksaan itu ialah di-Madrasah Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Brunei, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong dan Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar, Temburong.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, murid2 yang akan mengambil peperiksaan itu hendaklah hadir ka-pusat2 peperiksaan sa-belum jam 9.00 pagi.

Keputusan2 mengarang kelas dewasa

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran telah mengumumkan keputusan2 peraduan mengarang dan menulis yang terbuka kepada pelajar2 dari kelas2 pelajaran dewasa perengkat permulaan, menengah dan lanjutan di-seluruh negeri.

Peraduan itu telah di-adakan dalam bulan lepas dan pemenang2 itu ia-lah:

Tulisan rumi perengkat permulaan: Pertama — Dayang Sa'adah binte Mahmud; kedua — Dayang Niri binte Selamat dan ketiga Dayang Aminah binte Mohamed Tahir.

Tulisan jawi perengkat menengah: Pertama — Pengiran Haji Bakar bin Pengiran Haji Jambol, kedua — Awang Momin bin Daud dan ketiga Dayang Ainun binte Kadir.

Karangan perengkat lanjutan: Pertama — Awang Abdul Karim bin Mahmud, kedua — Dayang Norasimah binte Khirudin dan ketiga Dayang Phua Kim Kah.

Datin MacInnes, isteri Pengarah Pelajaran telah menyampaikan hadiah2 di-dewan Maktab SOAS, pada malam Sabtu lepas.

Melawat sambil memerhati

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Yahya bin Haji Ibrahim dan Awang Ibrahim Tinggal sekarang sedang dalam lawatan sambil memerhati selama dua bulan di-Malaysia Barat dan Singapura.

Semasa berada di-negeri2 itu, Awang Yahya akan melawat universiti2 dan maktab2 sementara Awang Ibrahim akan di-tempatkan di-majlis2 agama di-Singapura, Kelantan dan lain2 negeri di-Malaysia Barat.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 19 Ogos 1970 hingga ka-hari Selasa 25 Ogos 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
19 Ogos	12-29	3-47	6-37	7-48	4-43	4-57	6-15	
20 Ogos	12-29	3-47	6-37	7-48	4-43	4-57	6-15	
21 Ogos	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	6-15	
22 Ogos	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	6-15	
23 Ogos	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	6-15	
24 Ogos	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	6-15	
25 Ogos	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	6-15	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



19hb. Ogos, 1970.

PERPUSTAKAAN BERGERAK

DEWAN Bahasa dan Pustaka Brunei telah memulakan perkhidmatan perpustakaan bergerak yang akan menjejajah kawasan-kawasan perkampungan untuk membekalkan bahan-bacaan yang tinggi mutu-nya kepada penduduk di situ.

Perpustakaan bergerak ini jika di-tinjau pada dzahir-nya sahaja bagi setengah2 orang dianggap merugikan sahaja, kerana pada pandangan kasar-nya terfikir oleh mereka akan perbelanjaan yang besar untuk menyedekahkan kenderaan, buku2 dan pekerja2-nya, sedangkan tujuan-nya ia-lah untuk menyedekahkan buku2 untuk di-baca saja. Di-samping itu mungkin juga di-timbulkan dari segi keinginan membacanya di-kalangan orang ramai, khas-nya rayat negeri ini. Sa-tengah2 orang mungkin berfikir yang sa-bahagian besar orang2 kita di-Brunei ada-lah kurang keinginan mereka untuk membacanya. Ini di-dasarkan kepada pandangan kulit-nya yang orang2 kita kebanyakan-nya se-bok dengan urusan2 masing2 sehingga tidak timbul minat untuk membacanya.

Sudut pertama untuk di-huraikan ia-lah berkaitan dengan penyediaan atau pembekalan bahan-bacaan di-kalangan rayat negeri ini yang bukan terhad kepada orang2 dewasa sahaja, tetapi meliputi kepada kanak2 sekolah atau penuntut2 sekolah2 menengah dan maktab2. Ada-lah sudah menjadi satu kenyataan bahawa dari bahan2 bacaan yang banyak merupakan satu chara pendidikan untuk menanamkan pengetahuan rayat dalam segala bidang, termasuk dari segi asohan2 berfikir untuk memimbang terima untuk menimbalkan faedah2 yang berguna dalam perkara2 yang tertentu yang timbul dalam penghidupan. Dari bacaan2 yang di-dapati oleh murid2 atau penuntut2 dengan chara yang lebih meluas lagi, akan dapat membantu mereka untuk mengatasi kemiskinan2 yang timbul dalam masa persekolahan atau pun ketika mereka berhadapan dengan kertas2 peperiksaan. Menyedari hakikat ini saja, maka perpustakaan bergerak itu di-anggap dapat menimbulkan faedah2 yang tidak ternilai dengan perbelanjaan2 untuk mengujutkannya. Keuntungan yang di-dapati negara dalam sudut ini bukan-lah dari segi penyugokan mata-wang, sa-umpama membeli barang. Kesempurnaan rayat dengan chara berfikir yang baik boleh membantu kemajuan2 negara dan mendedahkan kemakmoran yang berlipat ganda.

Dari segi keinginan membacanya, maka tidak shak lagi yang orang2 kita di-Brunei sudah melangkah ka-satu taraf yang baik. Ini ada-lah berpandukan kepada sudut2 penjualan bahan2 bacaan yang begitu laris di-toko2 buku di-negeri ini dan kurang-nya rayat yang buta huruf yang menurut bahagian pelajaran dewasa, chuma kira2 20% yang masih buta huruf.

Maka tidak-lah di-ragukan bahawa usaha DBP dengan perpustakaan bergerak-nya itu ada-lah membawa faedah2 yang besar nilai-nya terhadap pembangunan bangsa, ugama dan negara.

SA-TIAP kali di-adakan perbahathan atau cheramah mengenai bahasa, selalu saja para penonton menimbulkan soalan2 seperti ini: apa-kah sebab-nya di-antara orang2 yang di-luluskan menjadi rayat Brunei itu terdapat tidak boleh bertutor dalam bahasa Melayu yang betul, pada hal mereka itu sudah di-uji bahasa Melayu-nya? Apa-kah tindakan Dewan Bahasa dan Pustaka terhadap keadaan seperti ini?

Bahagian kedua soalan ini dapat di-jelaskan bagini: Dewan Bahasa dan Pustaka (sa belum 1hb. Januari 1965 bernama Bahagian Bahasa dan Pustaka, di-bawah jagaan Jabatan Pelajaran) ada-lah di-bentok berdasarkan Surat Keliling Pejabat S.U.K. Bil: 36/1962, yang pembentokan itu antara lain bertujuan untuk:

- (1) Berusaha dan berikhtiar untuk memperkembangkan dan meninggikan bahasa Melayu;
- (2) Mensesuaikan pemakaian bahasa Melayu yang telah di-jadikan bahasa Rasmi Negeri ini mengikut kehendak dan semangat Perlembagaan sa-bagaimana yang di-per-sharatkan oleh Bab 82(1) dari Perlembagaan;
- (3) Mengeluarkan atau menentukan pengeluaran buku2;

Bahagian Bahasa dan Pustaka ini telah di-pisahkan dari Jabatan Pelajaran pada 1hb. Januari 1965 dan bergelar Dewan Bahasa dan Pustaka menurut kuatkuasa Surat Keliling S.U.K. Bil: 7/1965.

Apa-kah Dewan Bahasa dan Pustaka yang mengelolakan pengujian bahasa Melayu terhadap pemohon2 untuk menjadi rayat Brunei? Jawapannya bukan. Ujian tersebut ada-lah di-kelelakan oleh satu lembaga yang di-sebut Lembaga Bahasa. Lembaga ini di-bentok menurut kuatkuasa Undang2 Taraf Kebangsaan Brunei, 1961, Bab 15(1) yang berbunyi: "Maka hendak-lah di-adakan satu atau lebih Lembaga Bahasa yang tiap2 satu-nya hendak-lah mengandungi sa-orang Pengetua dan dua orang ahli yang lain yang di-lantik oleh Sultan dalam Majlis Meshuarat. Sebarang Lembaga yang sa-demikian itu boleh-lah bertindak menurut bilangan undi ahli2 yang lebih." Tugas Lembaga atau Lembaga2 ini ia-lah untuk "menasehatkan Sultan menurut peratoran2 yang di-tentukan samada mana2 orang yang memohon pendaftaran atau penuangan taraf kebangsaan ("naturalisation") di-bawah Undang2 ini mempunyai darjah pengetahuan Bahasa Melayu seperti yang di-tentukan dan boleh bertutor dalam bahasa itu dengan faseh....." (Undang2 Taraf Kebangsaan Brunei, 1961, Bab 15(2)).

Dari huraian ini jelas-lah bahawa walau pun tugas Dewan Bahasa dan Pustaka itu

Ujian Bahasa dalam undang2 taraf kebangsaan Brunei

(di-sesuaikan dari Tajok Renchana Bahana Bil: 8 oleh Mahmud Hj. Bakyr)

"berusaha dan berikhtiar untuk memperkembangkan dan meninggikan bahasa Melayu" tetapi ia-nya tidak mempunyai sangkut paut dengan pengujian bahasa Melayu terhadap pemohon2 yang hendak mendapatkan taraf kebangsaan, baik sa-chara pendaftaran mau pun sa-chara penuangan ("naturalisation"). Tugas tersebut ada-lah di-bawah jagaan Lembaga atau Lembaga2 Bahasa seperti maksud Bab 15(1) dari Undang2 Taraf Kebangsaan Brunei 1961.

Sharat Bahasa yang mesti di-penuhi oleh sa-orang pemohon untuk mendapatkan taraf kebangsaan baik sa-chara pendaftaran mau pun sa-chara penuangan dalam Undang2 Taraf Kebangsaan Brunei, 1961 itu ada-lah seperti berikut:

Bab 5(5) Tiada sa-siapa pun yang akan berkecualan untuk di-daftar-kan di-bawah cheraian (1) melainkan —

- (a) Sultan berpuas hati bahawa dia telah di-pereksa oleh sa-buah Lembaga Bahasa dan Lembaga tersebut telah menasehatkan Sultan bahawa dia —
- (i) mempunyai darjah pengetahuan bahasa Melayu yang di-anggap baik mengikut sa-perti yang di-tentukan; dan
- (ii) boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan faseh atau tidak boleh bertutor dalam bahasa itu dengan faseh disebabkan oleh kechachatan anggota atau perchakapan atau pendengaran;

Dengan kata lain sa-orang yang mendapat taraf kebangsaan baik sa-chara pendaftaran mau pun sa-chara penuangan (dengan sharat orang tersebut tidak chachat anggota atau alat perchakapan atau pendengaran-nya) ada-lah telah di-uji bahawa ia-nya mempunyai darjah pengetahuan bahasa Melayu sa-takat yang di-tentukan dan juga boleh bertutor dalam bahasa tersebut dengan faseh. Jadi terta'alok kepada sharat "kechachatan" sa-orang pemohon, semua orang yang di-luluskan itu mesti mempunyai darjah pengetahuan bahasa Melayu dan boleh bertutor bahasa tersebut dengan faseh menurut yang di-tetapkan oleh Undang2 tersebut.

Barangkali bahagian pertama soalan ini di-timbulkan akibat kurang penjelasan tentang maksud cheraian (a) (i) dari Bab 5(5) tersebut.


Umpama-nya, apakah yang di-maksudkan dengan darjah pengetahuan bahasa Melayu yang di-anggap baik itu? Berapa luas-nya bidang "darjah pengetahuan" bahasa Melayu yang telah "di-tentukan" sa-bagai alat ujian kepada sa-tiap pemohon?

Kayu-ukor untuk menentukan bahasa lisan sa-saorang itu "baik" atau sa-balek-nya ada-lah terlalu subjektif. Lembaga Bahasa mungkin berpendapat yang darjah pengetahuan bahasa Melayu sa-orang pemohon itu ada-lah "baik" tetapi bagi sa-tengah orang di-luar Lembaga Bahasa ada-lah sa-balek-nya. Lain-lah hal-nya kalau sa-orang pemohon itu di-uji dari sudut morfologi dan sintaksis bahasa tersebut.

Perlu-nya sa-tiap pemohon faseh berbahasa Melayu ada-lah menarek. Kunchi persoalan di-sini ia-lah pada tafsiran "faseh bertutor" itu. Pada tanggapan kita sudut ini ada-lah penting kerana bentuk ujian kepada sa-tiap pemohon tidak-lah termasuk ujian menulis dan membacanya tetapi hanya ujian sa-chara lisan. Oleh yang demikian orang ramai akan menilai pengetahuan bahasa Melayu sa-tiap pemohon yang berjaya sa-mata2 dari sudut "pertutoran"-nya.

Apa-kah tafsiran sa-saorang yang di-katakan "faseh bertutor" itu? Pada pendapat kita sa-orang yang di-katakan "faseh bertutor" itu ia-lah sa-orang yang sudah dapat menguasai satu2 bahasa, keluar dan ka-dalam, dan bahasa itu di-gunakan-nya sa-bagai alat saloran pengucapan fikirannya. Bahasa tersebut sudah di-kuasi-nya sa-demikian rupa sa-hingga tidak lagi timbul masa'alalah "language barrier" (tembok bahasa) antara pembawa berchakap dan orang yang di-bawa berchakap. Teganya sudah ujud "intelligibility" (dapat di-faham) pada kedua belah pihak. Juga kata "faseh" itu ada membawa maksud kelancaran dan petah berchakap. Umpama-nya, kalau sa-orang China faseh bertutor dalam bahasa Melayu, ia tidak lagi menampilkan unsur2 "kechinaan"-nya sa-masa bertutor itu. Dengan kata lain.

(Lihat Muka 5)



Dayang Sanah Tamit

Brunei perolehi 3 pingat emas

BRUNEI telah mendapat dua pingat emas, dua pingat perak dan satu pingat gangsa di-Pesta Sukan Kejohanan Malaysia yang berlangsung selama tiga hari di-Ipoh, Perak.

Dayang Sanah Tamit telah memenangi dua pingat emas dalam perlawanan melontar lembing dan lempar piring. Boniface Yeo telah memenangi satu pingat perak dalam lompat tinggi sementara Onn Timbang memenangi satu pingat perak dalam bahagian **Decathlon**. A. Sibidol telah mendapat satu pingat gangsa dalam perlawanan membuang peluru.

Brunei telah mendapat tempat ke-empat dalam Pesta Sukan Kejohanan Malaysia itu.

Sementara itu rombongan Brunei yang terdiri dari lapan orang ahli sokan itu juga telah menyertai Sukan Kejohanan Singapura yang telah di-mulakan hari Juma'at dan berakhir pada hari Isnin lepas.

Sanah Tamit telah memenangi satu lagi pingat emas dan dua perak di-sokan kejohanan Singapura itu.

UJIAN BAHASA

(Dari Muka 4)

kalau kita hanya mendengar orang itu bercakap, kita tidak tahu akan ras atau bangsa orang itu.

Dalam jangka 9 tahun Undang2 Taraf Kebangsaan Brunei 1961 itu di-kuatkuasakan, tentu-lah sudah banyak pemohon yang di-luluskan menjadi rakyat Brunei. Oleh kerana faktor bahasa merupakan salah satu syarat utama sa-belum mereka mendapat taraf keraayatan itu, dari sudut logik-nya pemakaian bahasa Melayu sa-hari2 bagi mereka tidak-lah menjadi masalaah lagi. Yang perlu bagi mereka ialah mengamalkan pemakaian bahasa itu, bukan sa-kadar untuk mendapatkan taraf keraayatan sahaja.

Gambar kanan menunjukkan Awang Kassim bin Daud, pegawai pentadbir di Jabatan Setia Usaha Kerajaan sedang menyampaikan bendera Negeri Brunei kepada ketua pasukan bola keranjang Brunei, Awang Ong Keh Beng sa-jurus sa-belum pasukan itu berlepas ka-Singapura pada minggu lalu.

Rombongan yang mengandungi 11 orang pemain itu sekarang ini berada di-Singapura untuk menyertai Pesta Bola Keranjang Antara Bangsa di-republik itu.

Pesta Bola Keranjang yang di-adakan selama sa-minggu itu akan berakhir esok, 20 Ogos. Gambar ehsan Persatuan Bola Keranjang Brunei.



Perkhidmatan wang kiriman telegram di-perluas

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perkhidmatan Pos akan meluaskan perkhidmatan kiriman wang melalui kawat (Telegraph Money Order) di-antara Brunei dan Sabah dan Sarawak mulai 1 September, 1970.

Sinarai pejabat2 pos, enam belas buah di-Sabah dan 24 buah di-Sarawak, di-mana perkhidmatan kiriman wang dengan kawat itu akan di-perluaskan ada-lah seperti berikut:—

SABAH — Beaufort, Kota Kinabalu, Keningau, Kota Belud, Kudat, Labuan, Lahad Datu, Papar, Ranau, Sandakan, Semporna, Tawau, Tenom, Tuaran, Airport Post Office dan Tanjong Aru.

SARAWAK — Bau, Baram, Balingian, Bekunu, Belaga, Betong, Binatang, Bintulu, Dalat, Kanowit, Kapit, Kuching, Lawas, Limbang, Lundu, Lutong, Matu, Mukah, Miri, Saratok, Sarikei, Serian, Sibuan dan Simanggang.

Kerja pembenaan tembok Sungai Brunei selesai

BANDAR BRUNEI. — Semua kerja ka-atas projek membena tembok tebing sungai yang menelan belanja sa-banyak \$900,000.00 di - Jalan Residency di-Bandar Brunei sekarang telah siap.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Kerja Raya berkata penyerahan-nya kepada kerajaan oleh Sharikat Jurutera2 Perunding Awam dan Bentok Vallentine, Laurie dan Davies di-jangka akan di-lakukan tidak berapa lama lagi.

Pembenaan oleh Sharikat Sen Yin, pemborong2 bagi projek itu, di-mulakan dalam pertengahan tahun lepas dan salain dari halangan2 yang tidak

di-duga yang menyebabkan kerja itu di-tangguhkan dalam beberapa waktu, kerja pada keseluruhannya ada-lah berjalan dengan memuaskan.

Juruchakap itu berkata, dengan siap-nya tembok sepanjang 4,300 kaki itu, kerja meratakan dan membesarkan lagi Jalan Residency itu sa-bagai sa-bahagian dari ranchangan itu, akan di-jalankan tidak berapa lama lagi.

Beliau berkata, kerja membena jalan raya itu akan di-jalankan oleh Jabatan Kerja Raya dan akan di-mulakan sa-telah siap-nya kerja meletakkan paip2 saluran ayer kotor dan lain2 kerja yang sekarang sedang di-laksanakan.

Ada-lah di-harapkan bahawa seluruh ranchangan ini akan siap dalam tahun depan.

Lawatan 3 hari Gabnor Rotary Daerah 330

BANDAR BRUNEI. — Gabnor Daerah Rotary Antara Bangsa bagi Daerah 330 Dr. Rith Boozayaan-gool telah mengadakan lawatan selama tiga hari ka-negeri ini.

Dr. Rith yang di-temani oleh isteri-nya telah tiba di-Brunei pada hari Juma'at dalam bidang lawatan-nya ka-kelab2 Rotary di-daerah itu.

Pada tengah hari Sabtu Dr. Rith telah menghadiri satu majlis jemu-an oleh Kelab Rotary Bandar Brunei dan di-antara yang hadir di-majlis itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British Awang A. R. Adair.

Malam Ahad pula Dr. Rith telah menjadi tetamu yang terhormat di-satu majlis jemu-an yang di-berikan oleh Kelab Rotary Belait.

Beliau telah berlepas meninggalkan Brunei menuju Kota Kinabalu, Sabah pada hari Ahad lepas.



Pasokan pancharagam Pulis Di-Raja Brunei di-bawah arahan Awang G. R. Crowhurst telah menunjukkan permainan mereka di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada hari Ahad lepas.

Pertunjukkan permainan pancharagam itu ada-lah salah satu acara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-24 tahun bagi daerah itu.

Gambar atas menunjukkan anggota2 pasokan pancharagam itu ketika memainkan lagu2 dalam pertunjukkan tersebut.

Kerja2 projek bekalan ayer di-Tutong berjalan lancar

TUTONG. — Kerja2 pembeinaan ranchangan ayer Tutong untuk membekalkan ayer yang chukop bagi Daerah2 Brunei-Muara dan Tutong sedang berjalan dengan lancar-nya.

Kerja2 pembeinaan pusat pengepam ayer, tangki2 membehersekan, penapis dan sa-buah daripada tangki ayer jernih akan di-mulakan tidak berapa lama lagi.

Sementara itu, kerja2 memasang panchang atau pail konkrit telah di-jalankan bagi blok pentadbiran, bagi tempat membuboh angin dan tempat masuk ayer. Pembeinaan tambak di-sungai Tutong bagi beinaan2 yang kemudian juga sedang di-laksanakan dan ada-lah di-harapkan usaha pengambilan ayer dapat di-jalankan tidak lama lagi.

Sharikat2 Binnie dan Rakan yang di-lantek sa-bagai jurutera penasehat dan merekakan projek itu, ada-lah mengawasi kerja2 pembeinaan itu bagi pihak kerajaan.

Kerja2 menanam paip ayer sa-besar 36 inchi telah berjalan sa-jauh kira2 lapan batu, antara Lamunin dan batu 17 Jalan Brunei-Tutong dan kerja2 itu berjalan lancar.

Kerja2 juga telah di-mulakan bagi pemasangan paip sa-besar 15 inchi dari batu 18 menuju ka-Tutong, dalam mana pemasangan jarak kira2 400

kaki jauh-nya dalam masa sehari, dapat di-laksanakan.

Kerja2 juga telah di-mulakan di-tempat kolam ayer di-Sungai Burong, Gadong, Melabau dan Muara, di-mana jalan2 keluar sementara telah di-bena. Kerja2 pengaliran sekarang hampir2 selesai di-satu daripada tiga tempat tersebut dan pembeinaan kolam ayer di-Melabau berjalan dengan lancar.

Kerja2 tidak tergendala oleh sebarang pembawaan masuk bahan2 yang di-pesan di-bawah kontrak pembekalan dan kebanyakan daripada paip2 jenis 36 dan 30 inchi sekarang sudah pun di-sediakan di-kawasan itu.

Pengiriman paip2 jenis 26 inchi telah di-mulakan dan ia-nya akan siap sebelum menjelang akhir tahun ini.

Meski pon kerja2 pembeinaan pada masa ini di-katakan agak ka-belakang dari ranchangan tetapi maseh di-harapkan ia-nya akan siap menurut yang di-jadualkan.

BARANG2 MUZIUM BRUNEI.....18



Nama: Locheng.


Penerangan: Locheng ini dulu-nya di-gunakan sa-bagai alat pemberitahu waktu, seperti waktu sembahyang, waktu berbuka puasa dan waktu biasa. Locheng ini-lah saja, selain dari bedok, di-gunakan sa-bagai alat pemberitahu sewaktu belum ada alat2 pemberitahu waktu chiptaan moden seperti sekarang ini. Biasa-nya locheng atau bedok di-simpan atau di-tempatkan di-rumah2 Ketua Kampong atau orang yang bergelar.

Di-locheng ini terdapat tulis jawi yang bererti: "Ini-lah alamat Pengiran Muamad (Mohammad) Tarikh 1280 (Hijrah)". Tahun itu bersemaan dengan lebih kurang 1862.

Menurut keterangan yang di-beri, bahawa locheng ini telah di-tempahkan oleh Pengiran Mohamad dan kemudian di-hadiahkan-nya kepada Pehin Khatib Osman bin Hashim. Locheng itu kemudian di-punyai oleh Pehin Khatib Abdullah bin Khatib Osman dan sekarang ini di-turunkan kepada anaknya Awang Asbi bin Khatib Abdullah, siapa yang menghadihkan locheng ini kepada Muzium Brunei. Locheng ini telah di-hadiahkan dalam tahun 1966.

Sukatannya: tinggi: 7½".

Lebar (bawah) 10".



Gambar atas menunjukkan Timbalan Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid sedang di-perkenalkan oleh Pengiran Tuah, Yang Di-Pertua Persatuan PATUH kepada peserta2 perlawanan tarik tali sa-lapas Yang Amat Mulia itu merasmikan perlawanan itu pada 7 Ogos lepas.

Perlawanan itu di-anjarkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Sambutan

Perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-24 dan di-kekelolakan oleh persatuan PATUH.

Sa-banyak 22 pasukan telah mengambil bahagian dalam perlawanan yang di-jalankan sa-chara kalah mati itu.

Semua perlawanan telah di-adakan di-padang besar, Bandar Brunei. Perlawanan akhir di-jadualkan di-jalankan pada 21 Ogos ini.

Orang ramai di-seru supaya bersuntik

BANDAR BRNEI. — Pegawai Daerah Brunei-Muara Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah mengingatkan penduduk2 di-daerah itu, supaya bersuntik untuk mencegah penyakit taun.

Beliau berkata demikian di-satu majlis perjumpaan penghulu2 dan ketua2 kampung daerah Brunei dan Muara, di-dewan Kemasharakatan Bandar Brunei, pada minggu lepas.

Beliau menerangkan bahawa pegawai2 kesihatan tidak berapa lama lagi akan melawat ka-kampung2 untuk memberikan suntikan, sa-bagai langkah berjaga2 supaya penyakit taun tidak berlaku lagi di-Brunei.

Menyentuh tentang jambatan di-Kampung Ayer, beliau menasihatkan penduduk2 kampung itu supaya menjaga-nya dengan baik, bagi mengelakkan berlaku lagi kerosakkan2 yang sengkaja di-lakukan oleh sa-tengah orang yang tidak bertanggung jawab.

Dalam majlis perjumpaan itu, seramai 18 orang penghulu dan ketua2 kampung yang berumur 40 tahun ka-atas telah di-pilih untuk melawan pasukan Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria2 dalam satu perlawanan tarik tali, yang akan berlangsung pada 30 Ogos di-padang besar Bandar Brunei.

Murid2 Sekolah Kelab Panaga tinjau kegiatan AMDB

BERAKAS. — Satu rombongan sa-ramai 22 orang murid2 dari sekolah Kelab Panaga Sharikat Minyak Shell di-Seria, telah membuat lawatan ka-Khemah Askar Melayu Di-Raja Brunei, di-Berakas pada minggu lepas.

Ketibaan rombongan yang di-pimpin oleh Puan P. Eve Rett dan Puan D. Cheshire itu

telah di-sambut oleh kapitan G. T. Mills dan kapitan Hussein bin Haji Sulaiman.

Sa-belum memulakan lawatan, Pegawai Pemerintah AMDB, Colonel Dato Setia J. J. H. Simpson telah memberikan penerangan ringkas mengenai tugas dan tanggung jawab pasukan itu.

Sa-lapas itu lawatan di-mulakan dengan berkunjung ka-

bahagian udara. Rombongan itu juga telah melawat ka-dewan makan, bengkel, tempat radio VHF, kolam bernang dan mess pegawai.

Rombongan itu juga berpeluang menyaksikan pertunjukan senjata dan latihan jasmani, sa-belum melawat ka-pangkalan laut pasukan itu di-Muara.

Jawatan-Jawatan Kosong

Sa-bagai Guru

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk jawatan2 Guru di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Umor — di-antara 25 dan 45 tahun.

b) Mempunyai Ijazah daripada University Islam yang di-iktiraf atau pun kelulusan yang sa-banding atau pun mempunyai kelulusan mengajar daripada Maktab Kirby atau yang sa-banding dengan-nya.

c) Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai diploma dan pengalaman mengajar.

Tugas2:

Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki mengajar mata pelajaran Sains, Ilmu Hisab atau Bahasa Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C2 — B\$660 x 30 — 900 atau B2 EB3 \$1020 x 40 — 1620/EB/1670 x 50 — 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchubaaan selama enam bulan. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

BAKSIS:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan2 surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 September, 1970.

DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

(a) Pemandu Motor Sangkut Tingkat I

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 40

tahun.

b) Mesti - lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2-nya 3 tahun dan boleh memperbaiki sebarang kerosakan kecil bagi jentera motor sangkut.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F3 EB4 — \$200 x 5 — 220/EB/225 x 5 — 240.

(b) Pemandu Kereta Tingkat II

Tukang Kebun

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Tukang Kebun di-Pejabat Daerah Belait, Kuala Belait.

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 45 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1 EB2 — \$160 x 5 — 175/EB/180 x 5 — 195.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 23 Ogos, 1970.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur 21 hingga 40 tahun.

b) Mesti-lah mempunyai lesen pemandu kelas 3 yang sah tanpa sebarang chatetan kesalahan dalam lesen mereka. Mereka juga mesti mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman sa-bagai pemandu dan boleh memperbaiki kerosakan2 kecil.

c) Chalun2 yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas di-mana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F2 EB3 — \$180 x 5 — 195/EB/200 x 5 — 220.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25hb. Ogos, 1970.

AMARAN KPD. PENUNGGANG2 BASIKAL

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Pemerintah Pulis Daerah Brunei/Muara telah memberi amaran kepada penunggang2 basikal di-waktu malam tanpa menggunakan lampu.

Undang2 menghendaki penunggang2 basikal menggunakan lampu puteh di-


hadapan dan lampu merah di-belakang basikal-nya.

Satu kenyataan berkata, pemanchar merah tidak boleh di-gunakan sa-bagai menggantikan lampu merah.

Pulis akan memulakan pemereksaan pada waktu malam untuk menguatkuasakan undang2 ini.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim





Gambar atas menunjukkan Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh sedang memotong pita bagi merasmikan Perpustakaan Bergerak pada hari Sabtu lepas. Di sebelah kiri sedang memerhati ialah Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri.

Upacara merasmikan perpustakaan itu telah di-adakan di-hadapan bilek bacaan Pekan Tutong.

Perkhidmatan perpustakaan yang di-kekelolakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka itu akan melawat ka-Daerah Tutong pada tiap2 hari Sabtu mulai jam 1.00 hingga 3.00 petang.

Penduduk di-minta waspada

(Dari Muka 1)

empat hari yang lalu dan sekarang sudah sampai ka-paras yang melebihi dari biasa. Keadaan paras ayer itu mungkin naik lagi hingga beberapa kaki dalam minggu ini.

Beliau menjelaskan bahawa Pejabat Laut dan Polis telah di-hubungi mengenai perkara itu dan bersedia sedia untuk memberi pertolongan yang perlu jika berlaku keadaan yang buruk akibat ayer pasang itu terutama bagi menjaga keselamatan dan harta benda mereka.

Ketua2 Kampung ada-lah juga di-minta supaya berwaspada mengenai kejadian itu dan mereka hendak-lah segera memberi tahu kepada pekah2 yang berkenaan jika terdapat rumah2 yang hampir2 di-tenggelami ayer.

Pegawai Daerah itu juga menasihatkan ibu-bapa di-kampung ayer supaya menjaga anak2 mereka dan jangan membiarkan mandi manda berleluasa yang jadi kegemaran mereka tanpa menghiraukan korban nyawa yang timbul dari akibat ayer pasang itu.

Beliau percaya jika keadaan2 serupa itu selalu di-jaga, keselamatan anak2 di-kampung ayer akan terjamin dan kita tidak mahu ada yang 'mati lemas' akibat kekhuaian ibu bapa dan penjaga anak2.

Beliau mengingatkan lagi bahawa kejadian ayer pasang sa-tiap tahun di-kampung ayer jangan-lah di-pandang sa-bagai satu perkara biasa, tetapi keadaan itu merupakan satu ancaman yang boleh mengorbankan nyawa anak2 kecil tanpa di-ketahui oleh ibu bapa.

Pengambilan rekrut2 baru AMDB

BANDAR BRUNEI. — Askar Melayu Diraja Brunei telah merencanakan suatu perkumpulan rekrut2 baru di-bawah pengambilan kedua puluh dua pada 30hb. September, 1970 di-Kem Bolkiah dekat Bandar Brunei.

Untuk mengadakan perkumpulan itu gerakan sedang di-jalankan untuk memilih rekrut2 itu di-pusat2 pengambilan di-tempat2 yang berikut:

20hb. Ogos di-Kem Askar Melayu Diraja Brunei di-Bangar, daerah Temburong dan pada 28hb. Ogos di-Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei.

Masa untuk menemui rombongan pengambilan rekrut2 baru itu ia-lah dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang.

Chalun2 yang hendak berkhidmat sa-bagai parajurit dengan Askar Melayu Diraja Brunei mesti-lah mempunyai kelulusan seperti berikut:

*Berat badan sa-kurang2-nya 100 pound.

*Tinggi, sa-kurang2-nya 5 kaki.

*Warga Negara Brunei, berbangsa Melayu.

*Umur di-antara 18 tahun dan 25 tahun.

Chalun2 itu mesti-lah juga lulus peperiksaan doktor yang akan di-jalankan di-pusat2 pemilehan itu.

Perkhemahan tahunan pengakap2 Belait

KUALA BELAIT. — Pengakap2 Daerah Belait akan mengadakan perkhemahan tahunan mereka di-pantai Sungai Tali, Seria sa-lama tiga hari berturut2 mulai hari Juma'at ini, 21 Ogos.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Alikhan bin Abdul Khan yang juga menjadi Pesuruhjaya Pengakap Negara akan merasmikan pembukaan perkhemahan itu yang di-jadualkan berlangsung pada pukul 5.00 petang hari Juma'at itu. Pada sa-belah malam-nya akan di-adakan pertunjukan wayang gambar.

Perkhemahan itu ada-lah di-buka kepada orang ramai untuk menyaksikan-nya, terutama ibu bapa dan keluarga2 pengakap2 itu yang ingin menyaksikan kegiatan2 anak2 mereka dalam lapangan sa-bagai pengakap.

70 orang lulus peperiksaan trengkas dan menaip

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 70 orang pelajar2 dewasa telah lulus peperiksaan trengkas dan menaip yang telah di-adakan dalam pertengahan bulan Jun lalu di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait.

Sa-ramai 41 orang dari pelajar2 itu telah lulus peperiksaan Menaip ia-itu 23 peringkat permulaan, 11 peringkat menengah dan 7 peringkat tertinggi.

Sa-ramai 25 orang lagi lulus peperiksaan Trengkas ia-itu 17 permulaan, 7 menengah dan sa-orang tertinggi.

Sementara empat pelajar telah lulus peperiksaan di-Kuala Belait ia-itu sa-orang lulus menaip permulaan dan tiga orang lulus trengkas menengah.

Peperiksaan itu di-anjarkan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-kekelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Pelajar2 yang lulus itu ada-lah seperti berikut:

Menaip Permulaan: Dk. Aminah bte. Pg. Ahmad C-; Dk. Hasnah bte. Pg. Bakar C-; Dk. Zaleha bte. Pg. Hj. Tengah C-; Rosni bte. Hj. Samli C+; Jamaliah bte. Awg. Besar C+; Sarbiah bte. Mohd. Yassin C-; Zabaidah bte. Awg. Besar C+; Rokiah bte. Metudin B+; Masni bte. Mohamed C-; Norzainah bte. Omar C-; Laila Sari bte. Awg. Murah C+; Azizah bte. Jalil C+; Rosni bte. Mohd. Ja'afar C+; Omar b. Tunjang C+; Hassan b. Mohamed C-; Sarbini b. Agong C-; Tahir b. Awg. Damit C-; Ak. Yahya b. Pg. Mohamad C+; Mohd. Ali b. Awg. Hussein C-; Ahmad b. Awg. Hussein C-; Asli b. Hj. Hidup C- Jumat b.

Nasir C- dan Damit b. Hj. Metusin C-.

Menaip Menengah: Azizah bte. Mohd. Jair C-; Musbah bte. Ibrahim C-; Zainab bte. Mohd. Yassin C-; Nafisah bte. Awg. Besar C-; Ak. Yahya b. Pg. Mohamad C+; Jambul b. Tunjang C+; Hashim b. Abd. Rahman C+; Omar b. Tunjang C+; Morshidi b. Mokti C-; Zaini b. Abd. Hamid C+; dan Ismail b. Jerudin C+.

Menaip Tertinggi: Zainab bte. Hj. Hussaini C+; Mohdar b. Hj. Ahmad C+; Morshidi b. Hj. Md. Salleh C-; Sabullah b. Mohd. Hakiq B-; Ak. Omar b. Pg. Petra C+; Mohamed b. Menu-din C+; dan Abd. Hamid b. Awg. Damit C+.

Trengkas Permulaan: Dk. Aminah bte. Pg. Ahmad 60 psm B-; Dk. Rosnah bte. Pg. Bakar 60 B+; Rokiah bte. Metudin 50 B+; Halimah bte. Hj. Metassan 60 B+; Suhaili b. Mohd. Said 60 C-; Ibrahim b. Jamudian 60 B+; Mohd. Zaidi b. Hj. Serudin 60 C+; Magon b. Ghafar 50 C+; Zainal Abidin b. Mohd. Tahir 60 B+; Omar b. Adis 50 C-; Parman b. Rawidin 60 B+; Hamdan b. Mohd. Said 50 B+; Ali Hassan b. Awg. Atai 60 A-; (Is-temewa) Sabli b. Ya'akub 60 C-; Rikus anak Mabong 60 C+; Ismail b. Abas 60 B+ dan Lantan b. Manai 60 C+.

Trengkas Menengah: Masni bte. Mohamad 90 psm C-; Asli b. Hj. Hidup 90 C+; Emran b. Abd. Halim 80 C-; Awg. Damit b. Awg. Tengah 80 C-; Ibrahim b. Abd. Karim 80 C-; Ibrahim b. Mohd. Yusoff 90 C- dan Ak. Omar b. Pg. Ali 90 C+.

Trengkas Tertinggi: Adanan b. Manggong 110 psm B-.

Pelajar2 di-Kuala Belait: Mohd. Sidek b. Abd. Hamid lulus menaip permulaan dengan mendapat markah C+. **Trengkas Menengah:** Dk. Noorashah bte. Pg. Sidek 100 B-; Rosli b. Metusin 90 B+ dan Mohd. Hassan b. Abdullah 90 C-.

"RATU BRUNEI 1970"



Dayang Normini binte Shahdi (di-tengah2) telah di-mahkotakan sa-bagai Ratu Brunei 1970 sa-telah beliau mengalahkan 15 peserta yang lain dalam peraduan memilih ratu tersebut yang telah di-adakan di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei baru2 ini.

Tempat kedua telah di-menangi oleh Dayang Rajindra Kaur (kiri) sementara pemenang ketiga ia-lah Dayangku Norlia binte Pengiran Chuchu.

Peraduan yang di-anjarkan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei itu ada-lah salah satu acara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri yang ke-24 tahun.

Pengiran Siti Mawardi binte Pengiran Anak Ahmad, isteri Pegawai Daerah Brunei-Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman telah memahkotakan Ratu Brunei itu dan sa-terus-nya menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2.